

TAJUK : TENUNAN

OLEH:

ADIBAH ABD. HAMID  
JAHARAH JASSIN

PERKARA: KAE DAH PENG AJARAN  
(EDUCATION TECHNIQUE)  
KURSUS: DIPLOMA PETGURUAN SENILUKIS  
KAJIAN: SENILUKIS DAN SENIREKA  
ITM, SHAH ALAM  
SELANGOR.

KANDUNGANM/SURAT

KATA PENGHANTAR .....	i
PENGENALAN .....	ii
I. SEJARAH - CARA PEMAKAIAN .....	1
II. SEJARAH TENUNAN .....	2
III. JENIS-JENIS KAIN TENUNAN .....	6
+1. KAIN LIMAR .....	6
+2. KAIN IKAT .....	8
+3. KAIN GERUS .....	12
+4. KAIN TELEPOK .....	13
+5. KAIN TENUN PAHANG .....	15
+6. SONGKET .....	17
IV. TENUNAN ASLI DI SABAH .....	24
V. TENUNAN MELAYU SARAWAK .....	26
VI. TENUNAN IBAN / PUA .....	29
VII. CADANGAN GERAKERJA DI SEKOLAH .....	35
VIII. APLIKASI TEKNIK MENENUN DALAM MATAPELAJARAN PENDIDIKAN SENI .....	36
IX. RUMUSAN .....	37
X. BIBLIOGRAFI .....	38

### Kata Pengantar

"Weaving - many faces: it is a craft, a medium for working directly with fundamental materials to create joyful mixtures of textures and colours, to feel the accomplishment of mastering the tools and learning the steps and to explore the discipline of fine craftsmanship. It is an art, an expression of our time, which can have the brilliance of a painting, the dimension of sculpture, the shape of invention and the form imagination. It is functional, intimately related to us through our daily use of fabrics. It is an industrial product made specially by the power loom, but unchanged in its basic construction of interlocking threads and it is as individual as its creator will make it. It is a tool for the educator and a technique for the therapist, it is romantic and sober, ancient and contemporary".

— Else Regensteiner.

### Pengenalan

Sejarah telah mencatatkan bahawa sebelum manusia memakai pakaian dari berbagai jenis kain yang bertenun, mereka telah menggunakan daun-daun kayu, kulit binatang dan kulit kayu untuk pakaian mereka. Bahan-bahan tersebut ditumbuk hingga lembut dan dijemur, sebelum dijadikan pakaian. Setelah manusia berjaya menghasilkan benang untuk dijadikan kain maka berkembanglah dengan pesatnya perusahaan menenun kain.

Tenunan adalah satu seni yang memerlukan kemahiran tangan yang amat unik. Ia popular di kalangan kaum wanita, terutama di Pantai Timur Semananjung. Ini termasuklah negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu yang merupakan negeri utama pengeluar kain tenun songket. Malah pernah dikatakan, satu ketika dulu sifat-sifat kewanitaan seorang perempuan itu tidak akan lengkap tanpa pengetahuan dalam tenunan terutamanya kain songket. Kegiatan seni tenunan ini pada mula-mula dilakukan hanya untuk memenuhi masa lapang. Hasil tenunan itu digunakan untuk kegunaan sehari-hari sebagai alat perhiasan, pakaian dan lain-lain lagi. Lama kelamaan seni tenunan ini berkembang, dibentuk dalam berbagai corak dan warna sehingga menjadikan seni tenunan ini satu daripada kesenian kraftangan yang terkenal di masa ini..

### Sejarah - cara pemakaian

Adalah sukar untuk menentukan bilakah kain sarung mula dipakai. Walau bagaimanapun, kain sarung dalam masyarakat Melayu amat meluas sekali pemakaiannya selepas kedatangan orang-orang Hindu ke Alam Melayu. Kain sarung menjadi pakaian harian masyarakat Melayu ketika itu. Selepas kedatangan pedagang-pedagang dari India dan Cina ke Kepulauan Nusantara pada abad ke empat belas, pakaian dari kain bertenun terus berkembang.

Pada zaman kebangkitan Melaka, berbagai jenis kain sutera dan broked telah mula diperkenalkan dan dipakai oleh golongan yang berada terutamanya dengan kedatangan pedagang-pedagang ke pelabuhan Melaka dan keseluruh Nusantara.

Pada ketika itu kaum wanita hanya berkemban sahaja dengan menggunakan kain sarung. Bahagian dada dan bahu ditutup dengan hanya menggunakan sehelai kain yang kedua-dua pangkal dicantumkan atau diikat tanpa bercantum pangkalnya. Ia menjadi pakaian kegemaran kaum wanita di dalam maupun di luar rumah. Jika didatangi tetamu yang disegani, mereka akan menggunakan sehelai kain lain. Lazimnya kain-kain yang digunakan oleh orang kebanyakan ialah kain tenun biasa. Bagi keluarga istana pula, kain sarung untuk menutup badan dipakai dengan kain lepas. Bahagian kepala pula ditutup dengan kain sutera Limar.